

04/08/1997

Pengotor bandar raya aibkan pemimpin: PM (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota kerana ia bukan saja mencemarkan imej Malaysia, bahkan mengaibkan pemimpin negara.

Beliau menamakan Jalan Bukit Bintang sebagai kawasan paling kotor di ibu kota kerana sampah-sarap kelihatan di sepanjang jalan itu.

Dr Mahathir yang kelihatan marah, menegaskan: "Saya ingin menyatakan saya tidak gembira dengan Jalan Bukit Bintang kerana ia terlalu kotor. Setiap malam

orang duduk di sana, minum kemudian membuang tin minuman di merata-rata tempat.

"Saya berasa malu apabila (Mohamad) Nawaz Shariff (Perdana Menteri Pakistan) buat komen bahawa Kuala Lumpur cukup bersih.

"Tetapi selepas pergi ke Lot 10 (kompleks beli-belah di Jalan Bukit Bintang), dalam perjalanan balik ke hotelnya (berhampiran Lot 10) katanya beliau tengok sampah-sarap (di sepanjang jalan) macam hutan.

"Kita nak ajar orang supaya bersih, tetapi (rakyat Malaysia sendiri) tidak tahu macam mana nak jaga imej negara. Orang macam ini patut dikenakan tindakan keras," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, selepas mengucap selamat jalan kepada Nawaz Shariff yang mengakhiri lawatan rasminya selama tiga hari, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, tidak menjadi kesalahan sekiranya orang ramai ingin duduk atau berpesta di jalan berkenaan, tetapi jangan membuang sampah sesuka hati.

"Kita tidak peduli kalau dia orang duduk atau bersuka ria di situ, tetapi jangan buat sampah. Ini tidak duduk di keliling pokok, kemudian letak tin, rokok dan macam-macam," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau malu dengan keadaan itu kerana bandar raya Kuala Lumpur sering menerima pujian, tetapi perasaan bangga musnah begitu sahaja apabila kebersihan ibu kota menerima teguran daripada seorang pemimpin negara lain.

"Orang puji kita, tetapi dia (mereka yang membuang sampah) buat kelaku (perangai) macam itu.

"Dia ingat orang lain semua jadi kuli, nak cuci semua kotor-kotor (kekotoran). Kita bukan kuli dia. Kalau hendak buat kotor balik rumah, buat kotor dalam rumah sendiri," bidasnya.

Ditanya sama ada perlu undang-undang kebersihan yang ada sekarang diketatkan, beliau menjawab: "Undang-undang tidak guna kalau dah tabiat memang begitu."

(END)